

Headline	Meninggal LTH serah RM20,000		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Oct 2013	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	12	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	69 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 899
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,697



## Meninggal: LTH serah RM20,000

SUNGAI PETANI 30 Okt. - Keluarga tiga jemaah haji yang meninggal dunia selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya di KM210.2 Lebuhraya Pantai Timur menghala ke Kuantan akan mendapat bantuan RM20,000 bagi setiap seorang jemaah.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, pihaknya akan menyerahkan sendiri bantuan itu kepada keluarga mangsa dalam masa terdekat.

Dalam masa sama, beliau turut menyifatkan kemalangan itu sebagai sesuatu yang amat menyedihkan apatah lagi mangsa dalam perjalanan pulang ke rumah setelah selesai menunaikan ibadat haji di Mekah.

"Saya mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa dan berharap mereka bersabar menghadapi ujian ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika menziarahi waris keluarga Allahyarham Ahmad Saidin, 75, yang merupakan jemaah Malaysia ke-18 meninggal dunia di tanah suci di Kampung Pondok Batu Hampar, Merbok, di sini hari ini.

Ahmad meninggal dunia dua hari lalu ketika menginap di Hotel Abraj Janadriyah, Mekah akibat serangan jantung.